

4) SKIM CERIA

Adun : Y.B. Tuan Abbas Salimmi Bin Che Adzmi @ Azmi (Seri Serdang)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

a) Berapakah jumlah yang telah dimanfaatkan bagi Skim CERIA 2025?

Bagi tahun 2025, jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk pelaksanaan **Skim CERIA (Caring Government for Residents' Improvement Aid)** adalah sebanyak RM4.5 juta yang mana sebanyak sembilan (9) skim pangsapuri melibatkan tujuh (7) kawasan ADUN di enam (6) Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Selangor telah dipilih termasuk satu (1) skim pangsapuri di kawasan Yang Berhormat. Pada masa ini, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) sedang dalam proses melaksanakan perolehan dan pelantikan kontraktor yang dijangka selesai pada September 2025 bagi kawasan-kawasan yang telah dimuktamadkan kelulusannya. Sehubungan itu, jumlah sebenar yang dimanfaatkan daripada keseluruhan peruntukan tersebut hanya akan dapat ditentukan selepas semua proses perolehan dan pelantikan kontraktor diselesaikan serta kerja-kerja pembaikan dimulakan di tapak.

b) Apakah masih ada peruntukan Skim CERIA ini untuk dipohon?

Bagi tahun 2025, sebahagian besar peruntukan telah diperuntukkan berdasarkan permohonan yang telah didaftarkan melalui **Sistem e-CERIA**. Walau bagaimanapun, permohonan baharu masih dibuka dan boleh dibuat sepanjang tahun, tertakluk kepada baki peruntukan semasa, serta disaring berdasarkan kriteria merit, keperluan mendesak, dan tahap kerosakan harta bersama yang berpotensi mengancam keselamatan dan nyawa penghuni. Kerajaan Negeri amat menggalakkan Badan Pengurusan (JMB/MC) yang layak untuk terus mengemukakan permohonan bagi memastikan kesejahteraan penduduk rumah strata kos rendah sentiasa terpelihara.